

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY  
[ PENGKALAN CHEPA ]**

**SOALAN : 44**

**Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [ Pengkalan Chepa ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah hidangan arak dalam pesawat MAS sejak tahun 1980. Mohon disenaraikan secara ringkas pendirian Kerajaan terhadap hidangan arak dalam pesawat MAS, setiap kali ianya dibangkitkan.

## **JAWAPAN**

Untuk makluman Yang Berhormat, pihak Malaysia Airlines Berhad (MAB) tidak mempunyai maklumat berhubung jumlah hidangan arak yang disediakan dalam pesawat MAS sejak tahun 1980.

Isu berhubung hidangan arak dalam pesawat MAS telah dibangkitkan bermula tahun 2011. Secara ringkasnya, adalah menjadi pendirian Kerajaan untuk tidak menghalang sebarang cadangan untuk menghentikan hidangan arak dalam semua penerbangan MAB. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya adalah merupakan keputusan komersial syarikat penerbangan.

Dalam hubungan ini, MAB sebagai sebuah syarikat penerbangan yang beroperasi ke pelbagai destinasi di seluruh dunia dengan pelbagai lapisan penumpang perlu memenuhi kehendak penumpang khususnya penumpang kelas perniagaan dan kelas pertama yang mana sudah menjadi kelaziman bagi kebanyakan syarikat penerbangan di dunia untuk menyediakan hidangan arak kepada penumpang.

Sungguhpun demikian, ini tidak bermakna kerajaan dan MAB menggalakkan penumpangnya untuk mengambil minuman keras.

Mulai 1 Januari 2016, MAB tidak lagi menghidangkan hidangan arak untuk penerbangan di bawah 3 jam perjalanan.